

10 OCT 2002

LUBNAN JEMPUT MALAYSIA SERTA MESYUARAT TUBUH DANA PEMBANGUNAN

PUTRAJAYA, 10 Okt (Bernama) -- Lubnan mempelawa Malaysia untuk menyertai mesyuarat yang bakal berlangsung di Paris tidak lama lagi bagi menubuhkan dana pembangunan negara Asia Barat itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Kerajaan Lubnan juga mahu melihat lebih banyak pembabitan Malaysia dalam pembangunan dan pelaburan di negara itu, terutama dalam bidang ekonomi dan teknologi maklumat, katanya kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan singkat dengan rakan sejawatannya dari Lubnan, Rafic Hariri, di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Semasa perjumpaan itu, Hariri yang singgah di sini dalam perjalanan ke Jepun, turut menjelaskan mengenai pergolakan di Asia Barat.

Syed Hamid berkata kedua-dua pemimpin itu turut berbincang mengenai isu Palestin dan Iraq yang kini di ambang serangan ketenteraan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.

Menurut Syed Hamid, Hariri turut menyatakan bahawa kepimpinan Dr Mahathir amat disanjung tinggi dan dihormati dunia Islam.

"Oleh dia (Hariri) merasakan keputusan Perdana Menteri (Dr Mahathir untuk bersara) sesuatu amat menyedihkan dan memberi kekuatiran kepada dunia Islam," katanya.

-- BERNAMA

MFJ MFJ ZB